Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e001973
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1973

Output Pengujian Modul Minda Keusahawanan: Kajian Ke Atas 9 Peserta Gelandangan Bekas Banduan di Jalan Chow Kit

(Output Testing of Entrepreneurial Module: A Study of 9 Homeless Former Prisoner Participants at Jalan Chow Kit)

Mohd Alif Jasni[1*], Noralina Omar[2], Muna Maryam Azmy[3]
Sofi Mohd Fikri[4], Annuar Aswan Mohd Noor[5], Zalmizy Hussin[6]
Nur Faizira Abdul Rahman[7]

[1]Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia;
Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (iPSYCORE), Universiti Utara Malaysia, Kedah, Malaysia;
Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur, Menara Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: mohd.alif.jasni@uum.edu.my
[2]Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: noralina@um.edu.my
[3]Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia.
Email: muna.maryam.azmy@uum.edu.my
[4]Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia.
Email: mohdfikri@uum.edu.my
[5]Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia.
Email: a.aswan.mohd@uum.edu.my
[6]Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah, Malaysia.
Email: zalmizy@uum.edu.my
[7]Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.
Email: faiziraphd@gmail.com

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Mohd Alif Jasni
(mohd.alif.jasni@uum.edu.my)

KATA KUNCI:
Gelandangan Bekas Banduan
Modul Minda Keusahawanan
Model Output Pengujian dan Penilaian
Penerimaan
Kefahaman
Cabaran Keusahawanan

KEYWORDS:
Homeless Former Prisoners
Modul Minda Keusahawanan
Testing and Evaluation Output

ABSTRAK

Modul Minda Keusahawanan yang telah dibina melibatkan sembilan modul yang telah disampaikan kepada gelandangan bekas banduan. Tujuan pembinaan modul keusahawanan ini adalah bagi memperkenalkan bidang keusahawanan kepada gelandangan bekas banduan agar dapat dijadikan sebagai salah satu bidang untuk diceburi. Seramai sembilan orang peserta yang terdiri daripada gelandangan bekas banduan dan tidak mempunyai tempat tinggal dan pekerjaan yang stabil telah dikenal pasti menggunakan kaedah teknik persampelan bertujuan dan bola salji. Modul ini telah dijalankan di Pusat Komuniti Pembelajaran Chow Kit, Kuala Lumpur selama tiga hari. Objektif utama bengkel adalah untuk meneroka penerimaan dan kefahaman peserta terhadap modul. Di samping itu, kajian ini turut menyelami pandangan para peserta tentang cabaran yang dihadapi untuk menceburi bidang keusahawanan. Hasil kajian mendapati penerimaan dan kefahaman yang sangat positif terhadap modul ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Model
Acceptance
Understanding
Entrepreneurial Challenges

CITATION:
Mohd Alif Jasni et al. (2022). Output Pengujian Modul Minda Keusahawanan: Kajian Ke Atas 9 Peserta Gelandangan Bekas Banduan di Jalan Chow Kit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(11), e001973. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1973

Namun demikian, wujud cabaran yang perlu ditempuhi oleh gelandangan bekas banduan yang berminat menceburi dunia keusahawanan. Hasil terakhir kajian ini telah membawa kepada pembinaan model output pengujian dan penilaian Modul Minda Keusahawanan khusus untuk gelandangan bekas banduan. Model output ini memberi gambaran yang menyeluruh tentang input, proses dan output keseluruhan kajian ini. Kajian ini signifikan dalam membentuk minat dan kefahaman dalam kalangan gelandangan bekas banduan untuk berusaha menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dalam menjadi insan produktif sekaligus membantu ekonomi mereka dan negara.

ABSTRACT

The Modul Minda Keusahawanan has been developed based on nine modules through participation of homeless former prisoners. The purpose of developing this entrepreneurial module is to introduce the field of entrepreneurship to homeless former prisoners to be used as one of the future fields they can venture into. A total of nine informants who are homeless former prisoners and have no stable place to live or work have been identified using purposive and snowball sampling techniques. This module was conducted at Pusat Komuniti Pembelajaran Chow Kit, Kuala Lumpur for three days. The main objectives were to explore the informans' acceptance and understanding of the module. In addition, this study also investigated informants' views on the challenges faced during entrepreneurship venture journey. The results of the study found a very positive acceptance and understanding for this module. However, there are challenges that needed to be overcomed by homeless former prisoners during their journey in venturing into the world of entrepreneurship. The final result of this study has led to the construction of an output model for testing and evaluating the Modul Minda Keusahawanan specifically for homeless former prisoners. This output model gives a comprehensive picture of the overall input, process and output of this study. The study is significant to form interest and understanding among homeless former prisoners to try to venture into the field of entrepreneurship in becoming productive people while helping their economy and the country.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini telah menghasilkan sumbangan baru kepada bidang pengetahuan berkaitan gelandangan bekas banduan. Hasil dapatan mendapati bahawa gelandangan bekas banduan menunjukkan minat yang tingi terhadap menceburi bidang keusahawanan. Namun, wujudnya cabaran yang menghalang golongan gelandangan bekas banduan untuk terlibat sebagai usahawan. Antara cabaran paling terbesar yang didapati adalah modal dan kewangan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

1. Pengenalan

Ketiadaan program pasca pembebasan dari penjara, penolakan keluarga dan ketiadaan tempat untuk dituju menyebabkan banduan yang baru dibebaskan kehilangan arah (Jasni et al., 2019). Kehidupan bekas banduan terdedah kepada pelbagai cabaran yang praktikal seperti tempat tinggal, pekerjaan atau pendapatan, dan juga dari segi psikososial, dengan cabaran mengharungi stigma dari orang sekeliling, terpinggir, berasa tidak mempunyai upaya atau langsung terus berputus asa. Keadaan ini menjadikan bekas banduan banyak berakhir menjadi gelandangan setiap kali dibebaskan. Di Malaysia, praktis yang diamalkan oleh Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) adalah mengelompokkan jumlah gelandangan yang dikenal pasti ini ke dalam statistik orang papa. Takrifan sebegini sebenarnya mewujudkan kekaburan dan kesukaran dalam mendefinisikan kelompok-kelompok gelandangan yang ada di Malaysia. Gelandangan yang telah wujud dalam pelbagai kelompok dikategorikan secara bersama di bawah definisi utama gelandangan. Kehadiran pelbagai jenis gelandangan yang tertumpu di sekitar Kuala Lumpur bersifat episodik dan sementara sehinggalah ia menjadi kronik. Tinjauan Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada tahun 2014 mendapati isu gelandangan di Kuala Lumpur berpunca daripada bekas banduan sendiri, penagihan dadah/arak, ditinggalkan keluarga, penyakit yang melarat, ketidakupayaan mengurus diri, tiada pekerjaan, masalah mental/kemurungan, warga asing tiada pekerjaan, kemiskinan dan warga emas yang terabai (Berawi & Ismail, 2019).

Keadaan ini menyebabkan gelandangan bekas banduan memerlukan satu program atau intervensi sosial lanjutan yang dapat membantu mereka berdikari dan berjaya berdiri di atas kaki sendiri. Penyelidikan sosial yang bersifat *action-based* tidak terhenti hanya dengan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan sesuatu isu sosial berlaku. Apa yang lebih penting adalah mencari resolusi yang boleh bertindak-balas dengan isu sosial tersebut dengan berkesan. Secara spesifiknya, bekas banduan yang dibebaskan sering mengalami pengangguran dan gagal memperoleh pekerjaan. Sedangkan, pihak Jabatan Penjara Malaysia (JPM) telah menyediakan pelbagai program vokasional dan kemahiran kepada banduan sepanjang berada di penjara sebagai langkah bantuan menjelang pasca pembebasan mereka.

JPM bersungguh-sungguh menyediakan kemahiran kepada para banduan ini dengan melabur dalam pembangunan modal insan supaya dapat kembali kepada masyarakat umum melalui penyediaan program khas yang melibatkan empat (4) fasa iaitu orientasi, halaqah, kemahiran dan pra pembebasan. Melalui fasa ketiga (III), iaitu kemahiran, satu inisiatif Program Pembangunan Insan telah membuka peluang kepada banduan untuk membentuk kemahiran diri dalam bidang vokasional. Pengendalian kemahiran vokasional ini turut dibantu oleh beberapa agensi berkelayakan yang membolehkan banduan tersebut memperoleh pensijilan yang diiktiraf. Modul utama yang terdapat dalam program ini ialah modul kemahiran bersijil, modul vokasional dan modul usaha sama dalam penjara. Fasa kemahiran telah dikemas kini kepada penghuni penjara yang melepasi fasa I dengan memperoleh purata nilai keseluruhan (PNGK) 3.0 dan ke atas. Fasa ini bermatlamat melahirkan penghuni yang berkemahiran dan diiktiraf. Penghuni yang berada dalam fasa ini perlu mengikuti aktiviti pemulihan yang ditetapkan selama dua jam seminggu. Fasa kemahiran ini tidak menentu tempohnya bergantung kepada bidang kemahiran yang diikuti oleh penghuni tersebut. Modul kerohanian juga masih menjadi teras dalam fasa ini dan dilaksanakan kepada semua penghuni tanpa

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

mengambil kira anutan agama mereka. Antara program kemahiran vokasional yang disediakan dalam pusat koreksional JPM ialah:

i. Pusat Jahitan (Lelaki/Wanita) - Pusat jahitan dalam Penjara Pokok Sena, Kedah merupakan salah satu modul pemulihan yang telah dipraktikkan dalam proses pemulihan para banduan sama ada lelaki atau wanita, yang mana pemilihan untuk memasuki bahagian jahitan adalah menerusi minat dan pengalaman sedia ada banduan itu sendiri atau dipilih oleh pegawai penjara.
ii. Bengkel Dobi - menyediakan perkhidmatan dobi cucian kering dan cucian basah, menggosok dan melipat pakaian. Dobi ini mempunyai 3 tahap cucian, iaitu tahap cuci menggunakan mesin basuh, tahap kedua adalah tahap mengeringkan pakaian iaitu menggunakan mesin pengering dan tahap akhir adalah proses seterika oleh banduan yang bekerja di dobi. Setiap tahap ditentukanoleh banduan itu sendiri.
iii. Latihan Modul CIDB (*Construction Industry Development Board*) - Program latihan pembinaan di bawah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dijalankan selama 2 hingga 6 bulan kepada banduan bertujuan membantu golongan banduan mendapatkan ilmu pengetahuan berkaitan pembinaan bangunan dan secara tidak langsung dapat membantu mereka mencari peluang pekerjaan selepas dibebaskan kelak.
iv. Bengkel Kimpalan - Kimpalan adalah satu proses percantuman sesuatu bahan dengan bahan yang lain dengan menggunakan suatu bahan khas, contohnya logam atau termoplastik. Pengimpalan ini akan melibatkan pencairan sesuatu jenis logam untuk menjadikannya pengikat di antara suatu struktur dengan struktur yang lain.
v. Bengkel Kayu - Program yang dilaksanakan di bengkel kayu bertujuan mendedahkan banduan kepada teknik-teknik menggunakan pelbagai peralatan seperti kikir, gergaji, alat pengukur, dan sebagainya. Selain itu, banduan juga didedahkan dengan teknik-teknik menggunakan pahat dengan betul di samping mematuhi peraturan keselamatan yang ada di bengkel.
vi. Bengkel Rotan - Program latihan kemahiran rotan, kayu dan kusyen mendedahkan para banduan kepada kemahiran terutama dalam perusahaan pembuatan rotan, kayu dan kusyen di Penjara Pokok Sena. Kemahiran ini diberikan kepada banduan bertujuan membantu mereka mendapatkan ilmu pengetahuan berkaitan pembuatan berasaskan rotan, kayu dan kusyen dan secara tidak langsung dapat membantu mereka mencari peluang pekerjaan selepas dibebaskan kelak. Banduan yang mengikuti kursus ini dipilih berdasarkan minat mereka dalam bidang pembinaan dan kemahiran asas sedia ada.
vii. Bengkel Sabun - Pembuatan sabun adalah salah satu aktiviti yang dilakukan oleh banduan-banduan.
viii. Bengkel Tauge - Proses penanaman tauge merupakan salah satu modul pemulihan yang telah dipraktikkan dalam proses pemulihan para banduan. Pemilihan untuk memasuki bahagian pemprosesan penanaman tauge ini adalah menerusi minat para banduan itu sendiri atau dipilih oleh pegawai penjara
ix. Bengkel Kicap - Kicap jenama MyPride atau kicap mesra pekat manis telah dihasilkan di bengkel kicapyang merupakan salah satu inisiatif JPM secara meluas seiring dengan peningkatan kemahiran banduan yang dilatih oleh tenaga pengajar yang cukup berpengalaman dalam bidang masing-masing.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

x. Bengkel Pastri - Bengkel pastri menghasilkan produk makanan iaitu pelbagai jenis kek seperti kek keju, kek lapis asam, kek oreo dan kek buah dan pelbagai biskut. Produk keluaran bengkel pastri penjara dijual di Galeri Penjara dengan harga yang murah berbanding di pasaran selain rasanya yang enak.

Namun, masalah yang timbul adalah apabila banduan yang dibebaskan tidak dapat mempraktikkan bakat dan kemahiran yang telah diberikan semasa di penjara untuk diaplikasi dalam komuniti. Banduan yang mengikuti kemahiran ini dipilih berdasarkan minat mereka. Namun, terdapat banduan yang tidak mengambil kesempatan dengan pengetahuan yang telah dipelajari. Mereka juga tidak mempraktikkan bakat yang ada apabila mereka dibebaskan. Malahan, mereka tidak menggunakan ilmu yang dipelajari dalam modul di penjara untuk digunakan sama ada untuk bekerja makan gaji atau menjalankan perniagaan sendiri. Terdapat juga banduan yang mengikuti modul kemahiran ini tidak berminat dan hanya mengikuti modul ini sekadar menamatkan program yang disediakan oleh pihak penjara. Faktor tambahan kegagalan banduan yang dibebaskan tidak mempraktikkan kemahiran termasuklah ketiadaan bantuan, perangsang dan pembimbing untuk membantu mereka menggunakan kemahiran yang ada.

Untuk menghadapi isu dan cabaran tersebut, pengalaman negara-negara maju (Aaltonen, 2016; Duwe & Clark, 2014) dalam mempersiapkan banduan dengan keupayaan untuk berdikari menjadi rujukan terbaik dengan mewujudkan program atau modul yang bersifat praktikal kepada banduan. Salah satu modul yang berimpak mengandungi ilmu berkaitan perniagaan dan keusahawanan. Program atau modul keusahawanan telah banyak dijalankan di pusat koreksional terutamanya di luar negara (Redcross et al., 2010). Modul keusahawanan yang disediakan didapati berkesan membantu banduan menjana pendapatan apabila dibebaskan. Di samping itu, modul keusahawan sebagai satu program intervensi yang komprehensif dapat merangsang minat dan kecenderungan banduan untuk berusaha dalam dunia perniagaan dan keusahawanan menggunakan kemahiran yang mereka ada. Oleh yang demikian, satu kajian berkaitan dengan keperluan membangunkan modul membina minda keusahawanan sebagai satu bentuk jaringan sokongan kepada banduan mempersiapkan mereka keluar dari alam penjara ke komuniti umum perlu diusahakan.

Dalam usaha mempersiapkan gelandangan bekas banduan berkeupayaan menjadi usahawan berjaya, pendekatan berbeza diperlukan untuk mengembangkan kemahiran yang ada. Oleh itu, tujuan utama kajian ini dijalankan adalah membangunkan modul minda keusahawanan berdasarkan pembinaan portfolio *start-up* dan cadangan produk keusahawanan sebagai permulaan kepada banduan agar menjadi cakna kepada peluang yang tersedia selepas dibebaskan. Modul ini perlu dibina dan dirangka berdasarkan kepada kriteria yang diperlukan dalam membentuk keusahawanan dalam diri gelandangan bekas banduan. Modul yang dirangka tersebut bersifat baharu dan realistik. Selain itu, modul ini juga perlu mengambil kira ciri-ciri program sedia ada yang berkesan daripada negara-negara lain. Sememangnya terdapat pelbagai modul keusahawanan yang telah dihasilkan di luar negara. Namun perbezaan modul yang dicadangkan melibatkan elemen kaunseling dan psikologi di dalamnya. Hal ini kerana, perkara pertama yang perlu ditekankan dalam modul ini adalah mengubah *mindset* atau minda dan meningkatkan motivasi terlebih dahulu dalam kalangan banduan disebabkan banduan sering mengalami tahap rendah diri yang ketara, daya ketahanan yang rendah dan tiada keinginan untuk melihat ke hadapan. Maka, adalah penting dan bersesuaian untuk satu kajian dibuat melibatkan pembinaan modul minda keusahawanan seperti

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

yang dicadangkan demi merealisasikan perubahan cara pemikiran gelandangan bekas banduan ini agar mereka menjadi lebih yakin dan terbuka terhadap peluang yang ada serta sama-sama menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

2. Kajian Literatur

2.1. Pekerjaan yang sah dan pendapatan tetap

Terdapat konsensus umum bahawa pekerjaan yang stabil menggalakkan pemberhentian jenayah dalam kalangan bekas banduan (Maruna & Farrall, 2004). Pekerjaan merupakan faktor pelindung yang kritikal dalam membantu bekas banduan menjauhkan diri daripada perlakuan dan aktiviti jenayah (Mears & Mestre, 2012). Pekerjaan penting kepada kejayaan proses integrasi semula kerana mempunyai pekerjaan yang stabil mencegah bekas banduan daripada kembali semula melakukan jenayah (Baron, 2008). Pekerjaan yang stabil penting kepada proses integrasi semula kerana ia mengurangkan inisiatif bekas banduan untuk terlibat semula dalam jenayah**.** Tiga perkara utama yang menghubungkan pemberhentian jenayah dan pekerjaan adalah perolehan kewangan yang ditawarkan, ikatan sosial yang disediakan oleh persekitaran kerja dan had masa yang ada untuk melakukan jenayah (Berg & Huebner, 2011). Potensi untuk bekas banduan yang kekal dengan pekerjaan stabil untuk mengulangi kesalahan dan dipenjarakan semula dalam tahun pertama adalah rendah (La Vigne et al., 2007). Gottfredson dan Hirschi (1990) mendakwa bahawa individu yang mempunyai pekerjaan mempunyai kecenderungan untuk menghormati undang-undang dan pematuhan terhadap peraturan sosial ini mengelakkan mereka daripada terlibat atau melakukan aktiviti jenayah.

2.2. Kerjaya dalam Keusahawanan

Umumnya dipercayai bahawa usahawan adalah salah satu tonggak utama pertumbuhan atau pembangunan ekonomi negara kerana kemampuan mereka mencipta pekerjaan. Usahawan sebagai pilihan kerjaya telah dikenali sejak zaman kuno. Kajian mengenai keusahawanan semakin banyak dilakukan pada masa lalu seiring dengan penurunan kadar peluang pekerjaan di pasaran. Kajian tersebut telah menganalisis dari pelbagai aspek termasuk ciri-ciri peribadi yang boleh mencetuskan minat banduan untuk memilih keusahawanan sebagai pilihan kerjaya mereka. Seseorang usahawan memulakan perniagaan baru dan mengambil risiko serta menikmati ganjaran menjadi pemilik perniagaan. Ini adalah kerjaya utama dalam sistem kapitalisme - meletakkan idea seseorang untuk bekerja dalam ekonomi yang kompetitif. Beberapa usaha baru telah berjaya menjana kekayaan yang besar bagi para usahawan. Walau bagaimanapun, bukan semua orang sesuai untuk menjadi usahawan kerana seorang usahawan itu perlu mempunyai ciri dan ilmu tertentu. Antaranya, seseorang perlu rajin, pintar, kreatif, bersedia mengambil risiko dan bersikap baik dengan orang lain. Bekas banduan, mempunyai kelebihan hati, motivasi dan semangat yang tinggi untuk melibatkan diri dalam dunia keusahawanan. Namun, itulah antara faktor atau kriteria yang perlu diteliti secara mendalam supaya dapat diterapkan kepada para banduan pra pembebasan.

Perhatian perlu diberikan kepada intervensi dalam membantu bekas banduan yang dibebaskan menghadapi cabaran dan berjaya kembali kepada komuniti. Malangnya, JPM tidak mempunyai intervensi yang bersesuaian dalam mempromosikan integrasi yang baik. Kebanyakan bekas banduan yang dibebaskan menyertai semula kehidupan berkomuniti tanpa sebarang bantuan atau kawalan lanjutan yang dipersiapsiagakan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

oleh JPM. Di Malaysia, bekas banduan yang dibebaskan dilihat tidak mempunyai sebarang sistem sokongan atau bantuan lanjutan. Ketiadaan ini menyebabkan bekas banduan yang tidak mempunyai keluarga, berkemungkinan akan kehilangan hala tuju untuk meneruskan kehidupan yang lebih sempurna dan berakhir sebagai gelandangan. Bekas banduan seperti ini lebih mudah dan banyak terdedah kepada hidup gelandangan dan pengulangan jenayah. Terdapat keperluan bagi mengeluarkan mereka dari kehidupan gelandangan seterusnya bebas jenayah untuk jangka masa panjang. Sistem keadilan jenayah memerlukan maklumat-maklumat sebegini dalam mempersiapsiagakan banduan dengan intervensi yang patut diperkenalkan.

3. Metod Kajian

Kajian yang bersifat kualitatif ini berdasarkan naratif bekas banduan yang hidup secara gelandangan di sekitar Kuala Lumpur. Kajian ini berhasrat memperkenalkan modul minda keusahawanan yang akan diberikan kepada gelandangan bekas banduan. Pelaksanaan modul minda keusahawanan adalah secara bersemuka dan praktikal kepada gelandangan bekas banduan bagi memberikan pendedahan berkaitan ilmu, pelaksanaan, dan pendedahan skop kerja dalam bidang keusahawanan. Modul menggunakan kemahiran yang ada pada gelandangan bekas banduan ini untuk diguna pakai dalam bidang keusahawanan. Kajian ini bersifat *applied research* di menguji penerimaannya dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Modul minda keusahawanan memberi tumpuan kepada aspek praktikal dan pembangunan peribadi untuk memulakan atau menceburkan diri dengan menggunakan alat *start up* yang dibangunkan. Setelah selesai menjalani latihan persediaan, peserta akan dinilai dengan mengukur tahap pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

3.1. Reka bentuk kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah fenomenologi. Dalam kajian fenomenologi, pengkaji boleh melakukan banyak temu bual (utama) terbuka secara mendalam untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat (pengalaman) dari peserta (beberapa peserta), biasanya antara 5 hingga 25 tema umum untuk membina set data yang mencukupi mencari tema yang muncul dan menggunakan peserta lain untuk mengesahkan penemuan yang ditemui. Pengkaji yakin reka bentuk fenomenologi ini mampu membawa kepada penemuan data yang mentah dan baharu. Maka, pengkaji melihat ianya sebagai inisiatif yang penting untuk merealisasikan kajian ini dalam konteks tempatan.

3.2. Lokasi kajian

Bengkel ini dijalankan di Pusat Pembelajaran Komuniti Chow Kit.

3.3. Sampel kajian

Peserta kajian melibatkan gelandangan bekas banduan. Modul minda keusahawanan telah disampaikan kepada gelandangan bekas banduan. Cadangan kajian adalah untuk melibatkan antara 15 hingga 20 orang peserta gelandangan bekas banduan di sekitar Kuala Lumpur. Memandangkan sampel kajian sukar dikenal pasti, dua teknik persampelan bukan kebarangkalian telah digunakan iaitu teknik persampelan bertujuan dan teknik persampelan bola salji. Kajian mendapatkan khidmat bantuan daripada Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur bagi mengenal pasti peserta yang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menepati ciri-ciri inklusif memandangkan pertubuhan tersebut mengambil tanggungjawab sosial menjaga kebajikan dan mempunyai hubungan langsung dengan golongan tersebut. Seramai sembilan (9) orang informan gelandangan bekas banduan yang telah bersetuju untuk mengikuti program ini. Masa modul ini dijalankan adalah selama 3 hari berturut-turut. Informan gelandangan bekas banduan telah diberikan kaji selidik tentang pengetahuan, penerimaan, dan keinginan mereka untuk menjadi usahawan. Selepas modul ini disampaikan, informan gelandangan bekas banduan telah diberikan kaji selidik yang sama. Hal ini bagi melihat perubahan yang boleh berlaku sebelum dan selepas modul diberikan. Jadual 1 menunjukkan ciri-ciri informan yang dipilih untuk kajian ini. Ciri-ciri ini merupakan kriteria kelayakan (*inclusion criteria*) untuk menjadi peserta atau informan kajian ini.

Jadual 1: Ciri-ciri inklusif kelayakan menyertai kajian

Gelandangan bekas banduan
Hidup sebagai gelandangan di jalanan tanpa rumah atau bilik yang disewa
Telah hidup secara gelandangan melebihi setahun
Mempunyai rekod mengulangi jenayah tanpa mengira jenis kesalahan
Tanpa mengira tempoh masa berulang
Berumur 21 tahun dan ke atas
Warganegara Malaysia sahaja

Pengkaji yakin ciri-ciri inklusif yang dipilih ini dapat membantu menjelaskan kegagalan memperoleh keperluan hidup dalam kalangan gelandangan bekas banduan dan bagaimana kegagalan memperoleh keperluan hidup berupaya menjadikan mereka tertekan dan melakukan jenayah berulang. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif secara temu bual yang dijalankan secara berperingkat pada setiap hari kepada semua peserta kajian.

3.4. Teknik Persampelan

Teknik persampelan adalah proses memilih wakil kumpulan (sampel) dari populasi sasaran yang sedang dikaji. Kajian ini telah memilih untuk menggunakan dua teknik persampelan iaitu teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling technique*) dan teknik persampelan bola salji (*snowball sampling technique*) dalam mengenal pasti gelandangan bekas banduan .

3.5. Tatacara pengumpulan data

Modul yang dibina telah dihantar kepada pakar yang berkaitan untuk melihat kesesuaian penggunaannya kepada informan gelandangan bekas banduan. Pengkaji menjemput pakar dalam bidang keusahawanan dan kokurikulum untuk memberi pandangan tentang modul yang dibina. Pengkaji telah memperbaiki modul minda keusahawanan tersebut berdasarkan komen dan pandangan pakar. Setiap kali modul dijalankan, pengkaji telah menemu bual kesemua sembilan orang peserta ini tentang penerimaan modul tersebut sepanjang 3 hari berturut-turut. Hal ini bagi memahami pandangan mereka tentang modul ini. Terdapat 3 enumerator yang dilantik untuk membantu proses temu bual. Terdapat pelbagai pilihan dalam proses pengumpulan data untuk kaedah penyelidikan kualitatif. Pengkaji telah menemu bual setiap peserta yang mengikuti modul ini bagi mendapatkan pandangan dari segi penerimaan, kefahaman

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan keinginan terhadap modul. Selain itu, pengkaji turut mengenal pasti cabaran yang dihadapi apabila melibatkan diri dalam bidang keusahawanan.

3.6. Protokol temu bual

Panduan temu bual menyenaraikan soalan atau isu yang akan diterokai semasa temu bual. Panduan temu bual memastikan bahawa pertanyaan asas yang sama akan dijalankan kepada setiap orang yang ditemu bual. Panduan menyediakan topik atau bidang subjek supaya pengkaji bebas meneroka, menyiasat, dan menanyakan soalan yang akan menjelaskan dan menerangkan topik tertentu. Protokol temu bual untuk informan gelandangan bekas banduan adalah melibatkan pengetahuan, kesediaan dan penerimaan, kefahaman, dan cabaran dalam menceburi bidang keusahawanan.

3.7. Etika penyelidikan

Semua butiran kajian telah dimaklumkan kepada informan sebelum temu bual dimulakan. Setiap informan diberi masa yang cukup untuk meneliti surat maklumat dan diberi peluang untuk bertanyakan soalan sebelum menjalani proses temu bual ini. Sebagai sebahagian daripada proses, setiap informan juga telah diminta untuk menandatangani borang keizinan untuk mengesahkan persetujuan mereka mengambil bahagian dalam kajian ini. Para informan telah dimaklumkan tentang hak mereka untuk menarik diri daripada kajian dan melangkau mana-mana soalan yang sukar atau tidak selesa apabila mereka merasakan sedemikian. Pengkaji juga telah menggantikan nama informan kepada nama samaran bagi memastikan kerahsiaan peserta agar tidak dapat dikaitkan dengan realiti kehidupan informan sebenar.

3.8. Teknik analisis data

Analisis data merupakan bahagian paling kritikal dan mencabar bagi kajian kualitatif. Terdapat beberapa proses analisis dan ia diguna pakai secara meluas dalam kajian kualitatif. Harus diingat bahawa penyelidik perlu menyediakan data teks yang telah ditukarkan dalam bentuk transkrip verbatim sebelum analisis dilakukan. Transkrip verbatim adalah dialog yang ditulis perkataan demi perkataan hasil dapatan sesi temu bual dilakukan. Sebaik sahaja rakaman temu bual dilakukan, adalah penting untuk menyalin rakaman ke dalam bentuk bertulis. Proses salinan temu bual akan dilakukan secara manual dengan menggunakan aplikasi *microsoft word*. Dalam proses salinan semula rakaman temu bual, adalah perlu untuk menambah nota-nota yang dibuat sepanjang proses temu bual.

4. Dapatan Kajian Dan Perbincangan

4.1. Profil demografi sosial informan

Terdapat sembilan peserta yang menyertai bengkel modul minda keusahawanan yang diadakan selama tiga hari. Majoriti peserta adalah lelaki (66.67%) dengan umur antara 35 hingga 67 tahun. Dua peserta berasal dari Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka masing-masing manakala yang selebihnya berasal dari Kedah, Kelantan dan Sarawak. Majoriti peserta mempunyai latar belakang pelajaran yang baik dari tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) hingga ke Ijazah Sarjana Muda. Kebanyakan peserta tidak mempunyai pekerjaan, namun terdapat dua peserta yang bekerja di bawah sebuah organisasi bukan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kerajaan (NGO) dan menjaga tempat letak kenderaan . Terdapat tiga orang peserta yang telah berkahwin manakala selebihnya adalah bujang dan ada yang telah bercerai. Secara majoriti, peserta modul ini telah memasuki penjara melebihi satu kali dengan bilangan yang terbanyak adalah sebanyak 14 kali diikuti oleh 7 kali. Berkenaan dengan masalah ketagihan para peserta, hanya dua peserta yang melaporkan masih terjerat dengan masalah ketagihan mereka yang dikaitkan dengan arak dan heroin. Dalam kalangan peserta yang tidak mempunyai masalah ketagihan, dua daripada mereka melaporkan penggunaan *methadone* bagi mengekang masalah ketagihan yang dialami. Maklumat lanjut mengenai demografi sosial peserta boleh dirujuk dalam Jadual 2.

Rajah 1 menunjukkan struktur lengkap modul minda keusahawanan gelandangan bekas banduan.

Rajah 1: Modul Minda Keusahawanan



Nota kaki: Modul minda keusahawanan telah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 30 Ogos 2022 dengan nombor pendaftaran LY2022P03468 menerusi Universiti Utara Malaysia

Modul keusahawanan terdiri daripada sembilan modul yang direka bentuk untuk dijalankan selama tiga hari. Modul minda keusahawanan yang dicadangkan ini mengabung elemen psikologi dalam membentuk motivasi diri gelandangan bekas banduan. Hari pertama lebih memfokuskan kepada modul yang bersifat spiritual seperti motivasi dan pembangunan minda.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e001973
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.1973

Jadual 2: Demografi sosial peserta modul minda keusahawanan

Nama	Jantina	Umur	Negeri	Tahap Pendidikan	Jenis Pekerjaan	Status Perkahwinan	Tempoh pengulangan	Masalah ketagihan
Fatimah	Wanita	67 Tahun	Kedah	Tingkatan 5.	Menganggur	Bujang	6 kali (mengguna dan mengedar dadah)	Tidak lagi mempunyai masalah ketagihan
Yusuf	Lelaki	59 Tahun	Kelantan	Tingkatan 5	Menganggur	Duda	3 Kali (Kesalahan dadah)	Tidak mempunyai masalah ketagihan (sedang mengunakan methadone)
Farid	Lelaki	62 Tahun	Kuala Lumpur	Tingkatan 5	Menganggur	Berkahwin	4 kali penjara	Tidak mempunyai masalah dadah (sedang mengunakan methadone)
Ikram	Lelaki	60 Tahun	Ulu Klang	Darjah 4	Menganggur	Berkahwin	14 kali penjara	Mempunyai masalah ketagihan heroin
Aminah	Wanita	55 Tahun	Melaka	Tingkatan 5	Menganggur	Berkahwin pada usia 45 tahun. Tidak mempunyai anak	7 kali penjara	Tidak mempunyai masalah ketagihan
Roslan	Lelaki	61 Tahun	Selangor	Tingkatan 5	Menganggur	Duda dan mempunyai Anak Satu. Anak berusia 28 Tahun	2 kali (satu dadah dan satu mengunakan motor curi)	Tidak mempunyai masalah ketagihan
Jamilah	Wanita	45 Tahun	Kuala Lumpur	Giat Mara dalam bahagian butik dan rambut	Bekerja di sebuah NGO	Janda	1 kali (kesalahan dadah)	Tidak mempunyai masalah ketagihan
Amirul	Lelaki	36 Tahun	Melaka	Diploma Tesl Ijazah Sarjana Muda TESL	Menganggur	Berkahwin	2 kali (Kesalah mendatangkan kecederaan tanpa senjata)	Tidak Mempunyai masalah ketagihan
Andrew	Lelaki	35 Tahun	Sarawak	SPM	Menjaga Parking	Bujang	3 kali (Kesalahan dadah)	Mempunyai masalah ketagihan arak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Hari kedua membawa kepada 3 modul yang menjurus kepada bidang keusahawanan. Modul ini disusun dengan teratur dan terperinci bertujuan untuk mencetuskan minat bekas banduan untuk menjadi usahawan apabila dibebaskan. Kajian mengambil masa selama sebulan untuk membangunkan modul minda keusahawanan seperti yang dicadangkan. Proses pembangunan modul telah melalui proses suntingan dan reka bentuk sebelum dihantar untuk mendapatkan penilaian. Modul ini bertujuan memperkuatkan kemahiran tambahan yang berkaitan dengan bidang keusahawanan dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Di samping itu, modul ini berhasrat melahirkan usahawan gelandangan bekas banduan berdasarkan kemahiran vokasional yang telah diperoleh dalam penjara. Modul ini menyediakan satu platform bagi bekas banduan untuk memilih kerjaya dalam bidang keusahawanan.

Modul minda keusahawanan yang melibatkan 9 topik berbeza telah disampaikan oleh setiap pakar dalam bidang masing-masing. Pada awalnya, kehadiran dilihat menggalakkan seramai 12 orang. Namun, ia telah berkurangan kepada 9 orang pada hari ketiga disebabkan tiada sebarang paksaan bagi tujuan penyertaan. Peserta tidak diwajibkan mengikuti bengkel selama 3 hari. Keadaan ini membuatkan kajian menerima dengan terbuka penyertaan sepanjang 3 hari berlangsung. Hasil pengujian yang dilakukan menunjukkan wujudnya minat dalam kalangan peserta terhadap modul yang diberikan. Namun demikian, semestinya program sebegini hadir dengan kekurangan tersendiri dari segi masa, komitmen, pekerjaan dan sebagainya. Walaupun pemilihan waktu dari Sabtu hingga Isnin dilihat strategik, namun masa pekerjaan yang berbeza-beza menjadi halangan besar penyertaan penuh mereka. Majoriti mereka menganggur dan tidak mempunyai pekerjaan tetap selain terpaksa melakukan pelbagai pekerjaan dan ini tentunya memberi kesan kepada perjalanan program. Terdapat seorang peserta kajian yang tidak memberi komitmen sepenuhnya apabila perlu mengambil anak pada pukul 12.00 tengah hari. Ia merupakan antara cabaran yang ditempuhi apabila menjalankan kajian ke atas subjek sebegini. Walau bagaimanapun, bengkel ini berjalan dengan lancar apabila pengkaji berjaya membuat pemindahan ilmu kepada sembilan orang peserta kajian yang berjaya menamatkan bengkel ini dengan lancar. Hasil bengkel yang dijalankan menunjukkan bahawa modul ini telah berjaya diuji dan dinilai. Keadaan ini membawa kepada dapatan kajian dari segi penerimaan modul oleh gelandangan bekas banduan dan kefahaman mereka terhadap modul. Lebih penting lagi, cabaran yang boleh dihadapi dalam bidang keusahawanan juga dinyatakan.

4.2. Meneroka penerimaan gelandangan bekas banduan terhadap Modul Minda Keusahawanan

Penerimaan gelandangan bekas banduan terhadap modul minda keusahawanan adalah sangat tinggi. Keperluan mengetahui penerimaan gelandangan bekas banduan tentang sejauh mana keberkesanan dan kelancaran modul yang disampaikan. Sebelum menerangkan dengan lebih terperinci tentang penerimaan, adalah penting untuk mengetahui pendefinisian penerimaan ini.

Walaupun kepentingan penerimaan diketahui umum, tidak ada definisi yang jelas dalam menerangkan apakah yang dimaksudkan dengan penerimaan dan cara pengukuran yang sesuai. Terdapat pelbagai kajian yang mengukur isu berkaitan penerimaan tanpa mentakrifkan maksud penerimaan itu sendiri. Penerimaan sesuatu program

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

didefinisikan sebagai pergerakan satu hala daripada proses pembelajaran kepada pengalaman (Vermeulen & Barkema, 2002). Penerimaan peserta dalam sesuatu bengkel secara khususnya dapat membantu proses penambahbaikan agar bengkel yang dilaksanakan dapat menghasilkan impak yang maksimum kepada peserta seterusnya memberikan manfaat kepada masyarakat. Kegagalan sesuatu program menghasilkan penerimaan positif kepada peserta boleh mengakibatkan kegagalan perubahan dalam tingkah laku dan kemahiran individu yang diperlukan (Pekrun et al., 2009). Menghadiri sesuatu program memberi satu perasaan baharu kepada peserta. Program yang dijalankan adalah mengikut tema pihak penganjur seperti program ilmu, program hiburan, program latihan dan sebagainya. Setiap program yang dianjurkan mempunyai beberapa elemen penting seperti pengendali program, moderator, penceramah, dan juga peserta. Selain itu, alat bantuan dalam sebuah program seperti alatan pembesar suara, komputer riba, papan putih, alatan tulis memainkan peranan penting bagi memastikan kelancaran perjalanan dan objektif program dapat dicapai di akhir sesi. Dari perspektif lain, keberhasilan dan kemenjadian sesebuah program juga dapat dilihat melalui penerimaan peserta yang hadir dalam program tersebut. Menurut Baldwin et. al (2017), penerimaan peserta merujuk kepada kefahaman peserta terhadap kandungan program, aplikasi maklumat yang dipelajari sewaktu program, dan pengekalan tingkah laku yang diajar selepas program tamat. Selain itu, faktor lain yang mempengaruhi penerimaan peserta dalam sesebuah program adalah kandungan program dan latar belakang peserta (Perlines & Araque, 2015).

Oleh itu, kandungan program yang direka perlulah mudah difahami meliputi aktiviti yang dijalankan semasa program. Adalah penting untuk penganjur merangka aktiviti dengan teliti supaya ianya dapat dilaksanakan dengan baik. Pada masa yang sama, aktiviti tersebut selesa dan mudah, tidak membahayakan peserta dan tidak menyentuh sensitiviti peserta. Sewaktu program berlangsung, moderator, pengacara, atau penceramah yang mengendalikan program perlu memastikan bahasa yang digunakan, laras bahasa, dan pemilihan perkataan semasa program adalah tepat dan mudah diterima oleh peserta. Latar belakang peserta juga perlu diberi perhatian dalam memaksimumkan penerimaan program seterusnya memastikan objektif program tercapai. Latar belakang peserta seperti umur, bangsa, etnik, jantina, tahap pendidikan, geografi, dan pengalaman hidup mempengaruhi penerimaan seseorang dalam sesebuah program. Ini kerana latar belakang peserta mempunyai hubung kait dengan tahap dan kebolehan kognitif peserta menyerap, memahami, dan menganalisis maklumat yang mereka terima sewaktu program berlangsung (Burke et al., 2007; Cheng et al., 2001; Iswahyudi et al., 2019). Dalam program ini, mereka telah didedahkan dengan beberapa modul mengenai aktiviti keusahawanan. Antara modul tersebut ialah kenali produk, pemasaran, perancangan kewangan, dan komunikasi berkesan. Sepanjang program berlangsung, golongan sasar ini dilihat menerima dengan baik modul yang disampaikan. Mereka memberi respons yang aktif sepanjang program berjalan. Pengalaman mereka juga dilihat sebagai faktor utama yang mempengaruhi penerimaan baik mereka dalam program ini.

Komunikasi dua hala antara penceramah dan peserta boleh dilihat sepanjang program. Mereka aktif bertanya soalan dan memberi kerjasama yang baik dalam aktiviti berkumpulan. Respons baik yang diterima membuktikan golongan sasar ini sangat bermotivasi untuk mengubah hidup mereka menjadi lebih baik. Motivasi yang tinggi juga merupakan salah satu indikator kepada penerimaan yang baik dalam sesuatu program atau latihan (Sharif et al., 2021). Kajian Sharif et al. (2021) turut menyatakan bahawa peserta yang tinggi motivasi sewaktu program berlangsung akan lebih menonjol

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan lebih banyak menyerap maklumat berbanding dengan peserta yang kurang motivasi. Dalam kajian yang dijalankan oleh Chiaburu et. al (2010) pula mendapati bahawa mereka yang menunjukkan tindak balas aktif sepanjang program akan mencari ruang dan peluang selepas program dijalankan untuk mengaplikasikan maklumat yang telah disampaikan. Pengekodan yang dilakukan telah membawa kepada penemuan tema superordinat pertama iaitu penerimaan yang positif. Hal ini menunjukkan bahawa berlakunya penerimaan yang sangat positif dalam kalangan peserta. Pengkaji melampirkan Rajah 2: Lapan (8) sub-tema berkaitan penerimaan gelandangan bekas banduan

Rajah 2: Lapan (8) sub-tema berkaitan penerimaan gelandangan bekas banduan



Terdapat 8 sub-tema yang ditemui menunjukkan penerimaan yang positif. Lampiran sub-tema adalah seperti berikut:

4.2.1. Sub-tema 1: Meningkatkan keyakinan

Para peserta menyatakan bahawa modul tersebut berjaya meningkatkan keyakinan mereka. Malahan Fatimah mengatakan beliau menjadi lebih bersemangat dan yakin untuk menceburi bidang keusahawanan. Yusuf turut melaporkan perkara yang hampir serupa tentang penerimaan beliau terhadap modul berkenaan. Ikram mengatakan semakin bersemangat untuk berusaha mencapai matlamat. Manakala, Aminah, Roslan, Jamilah dan Andrew turut melaporkan perkara yang hampir serupa tentang keupayaan modul ini meningkatkan keyakinan. Petikan temu bual adalah seperti berikut:

> *"Modul yang diikuti memberi saya keyakinan untuk menjadikan keusahawanan sebagai bidang untuk diceburi"* (Fatimah)

> *"Benda kalau selalu diadakan, akan tingkatkan keyakinan diri. Malahan modul sebegini dapat tingkatkan keyakinan diri untuk mulakan sesuatu…cara nak mula (niaga)."* (Yusuf)

> *"Ada la yang saya rasa tersentuh hati dengan ceramah tadi. Memang sangat berguna lah. Jangan putus asa, never give up. Teruskan hidup."*(Andrew)

4.2.2. Sub-tema 2: Penyampaian ceramah yang baik

Seterusnya, sub-tema penyampaian ceramah yang baik mampu memberi penyampaian berkesan dalam memastikan proses bengkel ini berjalan lancar. Kehadiran 6 orang

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pakar modul secara bersama dalam menjalankan 9 modul ini telah memberi kesan yang sangat baik. Antara peserta yang mengatakan perkara ini adalah seperti Fatimah, Yusuf, Ikram, Aminah, Jamilah, Amirul dan Andrew seperti berikut:

> *"Penyampaian ceramah selesa, santai, takde rasa bosan, rasa macam bersembang dengan kawan."* (Fatimah)
>
> *"cara penyampaian, reaksi.. lebih bagus dari semalam… lebih kemesraan"* (Yusuf)
>
> *"Saya rasa terkesan juga dengan apa dikatakan oleh penceramah. Saya rasa ok..saya suka...saya boleh terima... gaya penyampaian Dr suka bercerita...cerita pengalaman ..."* (Amirul)
>
> *"Memang cara penyampaian tu ok la untuk kita komunikasi dengan orang. Kita tak boleh hina orang, kita tak boleh pandang rendah sama orang. Itu tadi dia kata pasal itu la."* (Andrew)

4.2.3. Sub-tema 3: Modul yang interaktif

Peserta berpandangan bahawa modul ini interaktif. Ia suatu yang menarik untuk ditekankan memandangkan modul yang terhasil berjaya menarik penerimaan peserta untuk mendengar dan mengambil bahagian dalam bengkel yang dijalankan. Peserta seperti Fatimah, Farid, Aminah, Roslan, Jamilah, dan Andrew mengakui sedemikian yang membuktikan modul berjaya memainkan peranan sebagai penentu kejayaan bengkel. Petikan temu bual adalah seperti berikut:

> *"Bagus dan sangat interaktif, bukan setakat berceramah saja"* (Farid)
>
> **"***Macam orang kata tak ada la boring kan. Selalu diorang kan ceramah boring mengantuk. cepat bosan kan. Ini kira ok. Ada ketawa-ketawa. Kira faham la kan. Kira cakap pun kita faham satu-satu dia cakap."* (Aminah)
>
> "*Nak kata 100 percent tak adalah , adalah 10 minit boring, 100% tak lah. Keseluruhan nya modul ini sangat menarik"* (Roslan)

4.2.4. Sub-tema 4: Memperoleh benda baharu

Terdapat tiga peserta yang menyatakan mereka memperoleh benda atau ilmu baharu sepanjang mengikuti penyampaian bengkel ini. Yusuf, Ikram dan Aminah menyebut tentang memperoleh benda baharu sebagai peserta yang mendengar dengan teliti. Lampiran petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini disertakan seperti berikut:

> *"Mereka dengar pendapat kita, kita boleh dengar benda-benda yang baru"* (Yusuf)
>
> *"Saya dapat memperolehi benda baru. Dapat kita kongsi. Dapat kita dengar apa yang masalah, apa yang patut, apa yang jadi sebenar."* (Ikram)
>
> *"Kita boleh belajar benda baru apabila mengikuti bengkel ini."* (Aminah)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.2.5. Sub-tema 5: Penyampaian modul yang jelas

Seramai tiga orang peserta turut menyatakan penyampaian modul yang sangat jelas lalu menyebabkan penerimaan peserta yang positif. Maklum balas boleh dirujuk pada petikan dari Yusuf, Ikram dan Andrew seperti berikut:

> *"Penjelasan boleh diterima. Semua bagus."* (Yusuf)

> *"Saya rasa puas hati la...haa…puas hati la."* (Ikram)

> *"Sangat sangat selesa. Informasi dia beri terang."* (Andrew)

4.2.6. Sub-tema 6: Menjadi lebih bersemangat

Terdapat juga peserta yang merasakan menjadi lebih bersemangat untuk mengikuti bidang keusahawanan. Ia membuktikan bahawa modul sebegini mampu meningkatkan semangat peserta. Keperluan dalam menyediakan bengkel sebegini pada masa depan mempunyai asas bagi mengekalkan semangat yang berterusan. Seramai tiga orang peserta yang didapati menyebut tentang perkara berkaitan seperti Yusuf, Roslan dan Jamilah. Lampiran petikan temu bual mereka adalah seperti berikut:

> *"Sesuai.. memang bagus. (ber)semangat untuk berubah tapi lepas 2-3 bulan… kecewa."* (Yusuf)

> *"Untuk gelandangan boleh lah motivate. Membantu lah pembelajaran hari ini, saya memang minat dah lama tak bercerita tentang perniagaan, cerita cerita dah hidup balik macam saya dulu dah berniaga pasu dulu, sekarang ini tak boleh buat balik , dah lupa lah"* (Roslan)

> *"Saya rasa seronok ..lebih bersemangat untuk ikut serta dalam menyertai program ini.. berbanding dengan keadaan semalam... saya rasa masih belum faham kenapa saya berada di sini. Pada hari ini, saya rasa hendak tahu tentang banyak perkara..."* (Jamilah)

4.2.7. Sub-tema 7: Menjadi panduan

Modul sebegini dapat menjadi panduan kepada peserta untuk menceburi bidang perniagaan atau keusahawanan. Ia sesuatu yang menarik apabila modul sebegini boleh mencetuskan minat dan idea kepada gelandangan bekas banduan apabila menjadikan perniagaan sebagai salah satu cara untuk menjana pendapatan. Peserta seperti Farid, Jamilah dan Amirul telah menyebut tentang perkara ini dengan bukti petikan temu bual seperti berikut:

> *"Boleh lah digunakan untuk perniagaan, untuk jadikan pedoman"* (Farid)

> *"Saya dapat tahu cara untuk nak buat promosi...cara untuk kenal diri untuk bukak bisnes. Modul ni boleh bantu saya...saya boleh buat benda yang saya tak tahu.. modul ke-2 tu (modul 5) tu sangat perlu la..sebab nak tahu step (langkah), nak buat bisnes...Cuma yang ada gambar tu tak membantu..saya benci tengok alif shukri tuu..."* (Jamilah)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"Modul ini bagus sebenarnya sebab boleh membantu orang macam saya bekas banduan, yang tak tahu nak buat apa-apa selepas bebas. Boleh membantu kita untuk berniaga"* (Amirul)

4.2.8. Sub-tema 8: Mengetahui cara menjual produk

Terdapat tiga peserta yang mengatakan modul ini telah membuatkan mereka berjaya menyampaikan ilmu penting tentang cara-cara menjual produk. Ia merupakan antara elemen yang terpenting apabila modul sebegini dapat mewujudkan impak yang besar kepada peserta Tiga peserta tersebut adalah Ikram, Aminah dan Roslan. Kesemua petikan temu bual mereka dilampirkan seperti berikut:

> *"Macam modul la, makna kata satu benda ni kita boleh kenalkan satu modul macam kita benda kita nak jual. So kat sini kita boleh belajar macam mana kita nak kenal benda tu, macam mana kita nak jual pen ke kita mesti tau apa nama pen tu apa nama dia apa kegunaan dia harga berapa. So masa tu kita tahu la macam mana kita nak jual satu benda ni barang yang kita nak jual. So modul bagus la apa yang Dr. ni cakap bagus la benda yang modul untuk kemahiran kita la."* (Ikram)

> *"Macam cara perniagaan online online ini kan semua nak online, membantu juga , apa benda sekarang ini, kita boleh jual tau, amazon, apa product kita boleh buat membantu lah."* (Roslan)

4.3. Menyelami kefahaman gelandangan bekas banduan terhadap Modul Minda Keusahawanan (MMK)

Seterusnya, kefahaman gelandangan bekas banduan ini terhadap modul minda keusahawanan diteroka . Hal ini kerana kefahaman peserta adalah amat dititikberatkan untuk mengetahui sama ada model yang diberikan ini berupaya memberi impak yang besar kepada peserta. Kefahaman yang tinggi terhadap modul yang diberikan menunjukkan bahawa modul ini mempunyai kelebihan yang tersendiri. Secara umumnya, adalah penting untuk memahami terlebih dahulu tentang maksud kefahaman. Secara mudahnya, kefahaman yang merupakan kebolehan, kemampuan atau keupayaan seseorang individu berkaitan suatu perihal dalam pembelajaran, pembacaan dan proses pemindahan ilmu pengetahuan sangat penting sebagai petunjuk tunggal aktiviti tersebut berlaku dalam keadaan yang berkesan. Dalam hal ini, proses pemindahan ilmu berlaku apabila maklumat tentang keusahawanan diterapkan kepada peserta yang mengikutinya.

Kefahaman yang dimiliki oleh seseorang pelajar contohnya, menunjukkan bahawa proses pemindahan ilmu berjalan lancar dan efektif terutamanya apabila melibatkan strategi, teknik dan bahan yang digunakan. Maka dengan itu, dapatan kajian tentang kefahaman yang menunjukkan tanda yang positif telah membuktikan bahawa peserta yang mengikuti memahami tentang modul tersebut. Terdapat 4 jenis kefahaman seperti yang dinyatakan oleh Aisah et al. (2017) apabila melibatkan aktiviti pembacaan. Kefahaman literal memperlihatkan pemahaman pelajar tentang perkataan dan idea penulis melalui pelbagai teknik yang digunakan seperti pendekatan gambar rajah dan rumusan isi penting. Hal yang sama berguna kepada peserta bekas gelandangan dalam modul minda keusahawanan yang melihat kefahaman mereka mampu dicapai melalui

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penyediaan modul sebagai bahan bacaan dan pelaksanaan bengkel bagi tujuan pengukuhan ilmu yang diperoleh. Kefahaman peserta daripada kedua-dua strategi penting demi menerapkan ilmu keusahawanan dan sikap positif selain meningkatkan kemahiran yang diperlukan untuk bergelar seorang usahawan kelak. Menggunakan contoh bengkel modul minda keusahawanan yang diiringi oleh modul bertulis, objektif keseluruhan tidak menjangka melahirkan usahawan cemerlang dalam bidang yang diminati dalam kalangan bekas gelandangan. Tetapi, ianya diharap menjadi pemangkin semangat dan motivasi mendalami ilmu-ilmu asas keusahawanan secara berperingkat sambil memperbaiki kekuatan dan kelemahan dalaman. Peserta yang mempunyai keupayaan pemahaman yang baik sewajarnya mampu menterjemahkan ilmu-ilmu keusahawanan asas yang telah dipelajari mengikut tafsiran sendiri. Pengkaji melampirkan Rajah 3: enam (6) sub-tema berkaitan kefahaman gelandangan bekas banduan terhadap modul.

Rajah 3: Enam (6) sub-tema berkaitan kefahaman gelandangan bekas banduan terhadap modul.



Secara keseluruhan, hasil kajian yang dijalankan telah menunjukkan bahawa kefahaman peserta terhadap modul ini semakin meningkat. Sebanyak 6 sub-tema diperoleh apabila membincangkan tentang kefahaman peserta terhadap modul minda keusahawanan yang disampaikan berdasarkan lampiran sub-tema seperti berikut:

4.3.1. Sub-tema 1: Dapat meningkatkan ilmu

Sub-tema pertama menunjukkan modul ini mampu meningkatkan ilmu. Seramai 7 orang peserta yang terdiri daripada Fatimah, Farid, Ikram, Aminah, Roslan, Amirul dan Andrew bersetuju bahawa modul ini dapat meningkatkan ilmu . Bukti sub-tema adalah seperti berikut:

> *"Dapat bantu tingkatkan ilmu. Boleh... jika diberi kesempatan dan kepercayaan."* (Fatimah)

> *"Berniaga, produk, tempat, macam mana nak promosikan. Okay lah dari mana kita dapat bantuan, tahu cara nak keluarkan produk kena bungkus cantik-cantik tahu produk."* (Farid)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

> *"Bagi saya ini cukup bagus. Kita boleh dapat maklumat baru, secara terperinci. Tak ada penambahbaikan lah."* (Andrew)

4.3.2. Sub-tema 2: Memahami dengan jelas

Malahan peserta juga memaklumkan tentang pemahaman terhadap modul yang disampaikan dengan jelas. Fatimah, Farid, Aminah dan Amirul telah melaporkan perkara yang hampir serupa tentang pemahaman yang seperti lampiran petikan temu bual berikut:

> *"Dapat pencerahan, lebih faham, tunjuk secara jelas dan terperinci."* (Fatimah)

> *"penceramah yang sama semua, yang mereka explain tadi,pakcik faham tentang ceramah hari ini. Jelas lah sebiji sebiji."* (Farid),

> *"Ok..saya boleh fahami...saya boleh terima... macam Dr. cerita pengalaman..apa yang boleh dikongsi tu boleh saya terima...sangat bagus..sebab ada respon dari peserta lain..tu kiranya semua faham la kot..."* (Amirul)

4.3.3. Sub-tema 3: Meningkatkan kefahaman

Terdapat seorang peserta iaitu Fatimah yang mengatakan tentang keupayaan modul ini untuk meningkatkan kefahaman seperti berikut:

> *"Dapat tingkatkan kefahaman."* (Fatimah)

4.3.4. Sub-tema 4: Mempunyai manfaat

Selain itu, hasil kajian juga mendapati terdapat peserta berpandangan bahawa modul ini mempunyai manfaat . Seramai lima peserta iaitu Yusuf, Farid, Aminah, Jamilah dan Andrew yang melaporkan tentang manfaat yang diperolehi seperti berikut:

> *"Berguna…ada berkumpul, boleh luah perasaan secara terbuka dan bebas."* (Yusuf)

> *"Sangat berguna..saya tahu apa yang saya tak tahu..Semua modul yang saya sertai ini sangat berguna dan membantu saya.. kadang-kadang saya perlukan orang yang boleh bagi nasihat..yang boleh beri tunjuk ajar ... saya di kawasan ni dah agak lama..kawan-kawan pun ramai yang bekas penagih..so saya rasa apa yang diajar pada hari ini sangat membantu saya..."* (Jamilah)

> *"Sangat-sangat berguna. Ya dapat tingkatkan sangat-sangat. Sangat berguna untuk orang seperti kami banduan ni la."* (Andrew)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.3.5. Sub-tema 5: Membuka hati

Seramai tiga orang peserta iaitu Yusuf, Amirul dan Andrew mengatakan modul yang diberikan telah membuka hati mereka. Lampiran petikan temu bual sub-tema ini adalah seperti berikut:

> *"Faham…terbuka hati..masih ada harapan, peluang."* (Yusuf)

> **"***Then daripada soalan-soalan tu, dia buka pandangan saya supaya lebih open, apa yang boleh membantu."* (Amirul)

> *"Daripada ceramah tadi, kita belajar jadi insan yg lebih bagus, daripada jatuh, kita mesti bangun balik la. Bangkit daripada jahat, kita jadi baik. Pada pandangan saya lah. "* (Andrew)

4.3.6. Sub-tema 6: Berupaya mengenali diri

Akhir sekali, seorang peserta iaitu Jamilah yakin dengan keupayaan modul ini untuk lebih mengenali dirinya dan menyedari tentang potensi yang wujud disebabkan ia telah berjaya menarik minat dan meningkatkan semangat mereka. Dengan mengikuti modul ini, mereka mengetahui keupayaan yang dapat diterokai dalam bidang keusahawanan. Berikut lampiran petikan temu bual beliau :

> "*Saya rasa saya sangat perlu la terutama modul 4 yang mana membuka otak saya untuk kenali diri saya...kenali kemampuan saya untuk menjalankan bisnes. Saya rasa perlu jugak la untuk saya kenali diri saya..kenali potensi diri saya...Kadang-kadang saya ni berlagak tahu semua perkara...sebab tu saya rasa apa yang saya lakukan tak berjaya. Untuk modul ke 5 tu memang sangat la saya perlukan ilmu tu untuk kembangkan bisnes saya..untuk saya dapatkan maklumat yang lebih baik untuk diri saya yang masih banyak belajar ini.. modul 4 dan 5 boleh sikit membantu.. Cuma modul yang ke 6 tu tak membantu sangat la..."* (Jamilah)

4.4. Menelusuri pandangan gelandangan bekas banduan tentang cabaran dalam bidang keusahawanan

Selain memahami penerimaan dan kefahaman para peserta, adalah penting juga untuk mengetahui pandangan mereka terhadap cabaran yang bakal dihadapi. Walaupun modul ini telah diterima baik oleh para peserta,namun, penting untuk merekodkan cabaran yang dijangka boleh dihadapi sekiranya menceburi bidang perniagaan atau keusahawanan. Terdapat halangan dan cabaran yang bersifat peribadi dan tidak kurang juga yang bersifat struktur atau dengan kata lain cabaran persekitaran. Keadaan hidup mencabar yang berlarutan membuatkan mereka rasa rendah diri, kurang yakin diri dan terdesak untuk melakukan tingkah laku yang melanggar norma sosial dan undang-undang demi kelangsungan hidup. Ini terbukti apabila kajian terdahulu menunjukkan bahawa golongan tersebut mempunyai salah laku atau sering melanggar norma atau peraturan masyarakat setempat (Mustafar et al., 2018). Kajian terdahulu juga menunjukkan sebilangan bekas banduan mempunyai penyakit mental (Lowe & Gibson, 2011). Begitulah halnya, cabaran yang dihadapi oleh bekas banduan untuk menceburi bidang keusahawanan. Berdasarkan temu bual dan maklum balas yang diperoleh,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh gelandangan bekas banduan untuk menceburi bidang keusahawanan. Oleh kerana mereka pernah melalui zaman yang berliku seperti melanggar undang-undang, melalui proses pendakwaan dan kemudiannya menjalani hukuman, sedikit sebanyak tahap motivasi diri dan keyakinan mereka untuk berhadapan dengan masyarakat agak terjejas. Selain itu, stigma dan layanan negatif segelintir masyarakat terhadap bekas banduan memberikan kesan yang lebih teruk kepada tahap motivasi dan keyakinan diri. Hal tersebut juga membuatkan semangat mereka agak lemah.

Dalam konteks kehidupan bekas banduan, mereka mempunyai ketahanan yang unik untuk menghadapi kesukaran hidup, namun mereka tidak mempunyai ketahanan yang tinggi untuk berlawan dengan sikap-sikap negatif dalam diri seperti rasa rendah diri dan kurang motivasi. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk mengubah diri menceburi bidang keusahawanan. Hasil temu bual yang dilakukan dengan sembilan peserta kajian mendapati beberapa cabaran yang boleh dihadapi sekiranya ingin melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Pengkaji melampirkan Rajah 4: empat (4) sub-tema berkaitan cabaran untuk menceburi bidang keusahawanan.

Rajah 4: empat (4) sub-tema berkaitan cabaran untuk menceburi bidang keusahawanan.



Beberapa sub-tema yang menjelaskan tentang cabaran yang bakal dihadapi boleh dirujuk dalam lampiran sub-tema yang ditemui seperti berikut:

4.4.1. Sub-tema 1: Tidak mengetahui peluang

Terdapat gelandangan bekas banduan yang mendakwa tidak mengetahui peluang yang ada walaupun berminat menceburi bidang keusahawanan . Fatimah dan Ikram meluahkan antara cabaran yang dibimbangkan oleh para peserta melalui petikan temu bual berikut:

> *"Mereka bukan taknak usaha tapi tak tahu jalan."* (Fatimah)

> *"Selalu masalah dari segi peluang. kat luar, pada awalnya kita sering ingat boleh meniaga. Tapi peluang pun tak de kan. Peluang tu la yang kena tahu. Tanpa peluang memang susah."* (Ikram)

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4.4.2. Sub-tema 2: Ketiadaan modal

Selain tidak mengetahui tentang peluang yang wujud, terdapat lima peserta yang khuatir dengan ketiadaan modal kerana ia antara elemen yang paling penting untuk memulakan perniagaan. Tanpa modal boleh menyebabkan sukar untuk menjalankan sesebuah perniagaan . Berikut merupakan petikan temu bual tersebut:

> *"Saya bimbang sekiranya tidak mempunyai modal."* (Yusuf)
>
> *"Saya tidak mempunyai modal untuk membuka perniagaan."* (Farid)
>
> *"Kita memang nak niaga tapi masing-masing ada halangan dia."* (Jamilah)

4.4.3. Sub-tema 3:Tiada keyakinan

Terdapat dua informan yang tiada keyakinan untuk memulakan perniagaan. Keyakinan adalah antara satu elemen yang penting untuk memulakan perniagaan. Tanpa keyakinan, laluan kejayaan dipenuhi dengan kesukaran buat gelandangan bekas banduan ini. Lampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini adalah seperti berikut:

> *"kalau takde keyakinan diri dan bimbingan yang baik…takkan berjaya."* (Yusuf)
>
> *"Saya kurang berkeyakinan apabila nak membuat bidang keusahawanan ini."* (Farid)

4.4.4. Sub-tema 4: Tiada kepercayaan sekeliling

Seorang peserta melaporkan kebimbangan terhadap orang sekeliling yang tidak mempercayai perniagaan yang diceburi disebabkan status ketagihan dan sejarah kehidupan lampau . Stigma yang menebal ke atas mereka menimbulkan keraguan orang sekeliling untuk tidak mempercayai dan tidak memberi sokongan. Berikut dilampirkan petikan temu bual Jamilah :

> *"Pasal kita nak bekerja pun susah. Tapi diorang ni tak percaya pasal kitorang ni penagih kan. Memang tak percaya."* (Jamilah)

4.5. Model Output Pengujian dan Penilaian Modul Minda Keusahawanan

Setiap tema superordinat dan sub-tema yang ditemui telah digunakan dalam membentuk sebuah model dalam memberi gambaran keseluruhan kajian yang dijalankan. Keseluruhan dapatan kajian telah disusun mengikut input, proses dan output. Dalam kajian ini, proses yang diketahui adalah para peserta yang terdiri daripada gelandangan bekas banduan mengikuti modul minda keusahawanan. Berdasarkan program selama tiga hari yang dijalankan, para peserta menunjukkan input yang sangat positif. Kajian ini telah berjaya mengumpul output berdasarkan program yang diberikan. Hasilnya menunjukkan kefahaman para peserta yang sangat positif apabila mereka mempercayai modul sebegini berupaya meningkatkan keyakinan, penyampaian ceramah yang baik, modul yang interaktif, memperoleh info baharu,

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penyampaian modul yang jelas, menjadi lebih bersemangat, dan mengetahui cara untuk menjual produk. Malahan, model yang dilampirkan ini turut menunjukkan output dari segi kefahaman para peserta yang melihat modul ini sebagai penuh ilmu.

Sememangnya modul ini mempunyai pelbagai manfaat yang dapat diterokai. Tapi tidak dapat dinafikan wujudnya cabaran yang perlu ditempuhi oleh para gelandangan bekas banduan yang berminat untuk menceburi dunia keusahawanan. Pengkaji telah mengabung kesemua maklumat ke dalam satu model secara bersama bagi mendapatkan gambaran secara menyeluruh tentang output yang diperoleh daripada penyampaian modul ini kepada para peserta. Rajah 5 menunjukkan model output pengujian dan penilaian modul yang terhasil.

Rajah 5: Model Output Pengujian dan Penilaian Modul Minda Keusahawanan Terhadap Gelandangan Bekas Banduan



Nota Kaki: Model Output Pengujian dan Penilaian Modul Minda Keusahawanan Terhadap gelandangan bekas banduan telah didaftarkan dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) pada 10hb November 2022 dengan nombor pendaftaran LY2022P04846 menerusi Universiti Utara Malaysia

5. Limitasi-limitasi kajian

Beberapa limitasi yang dihadapi sepanjang menjalankan kajian menyentuh mengenai penggunaan kaedah kualitatif iaitu temu bual gelandangan bekas banduan . Selain itu, masalah dari segi pensampelan kajian yang agak kecil iaitu sembilan orang informan dalam kalangan gelandangan bekas banduan menjadikan dapatan kajian tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan populasi lalu mendorong kepada keperluan untuk menjalankan sebuah kajian yang lebih ekstensif menggunakan kaedah kuantitatif dengan peruntukan dana yang lebih besar. Limitasi seterusnya adalah perancangan yang lebih terperinci pada masa akan datang untuk dapatan yang lebih bermakna. Hal ini

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

disebabkan oleh penyampaian modul yang terpaksa dilaksanakan sewaktu pandemik Covid-19 yang memberi kesan dari segi jumlah peserta dan medium komunikasi.

6. Cadangan kajian

Selain daripada limitasi, beberapa cadangan yang boleh digunakan pada masa akan datang telah dikenal pasti untuk kajian yang lebih mendalam dan terperinci. Cadangan yang pertama melibatkan jumlah peserta kajian yang lebih ramai. selain keperluan mendapatkan kerjasama dari pelbagai agensi kerajaan untuk memastikan modul lebih praktikal dan realistik. Fokus juga terarah kepada gelandangan bekas banduan perempuan kerana masih banyak yang tidak diketahui tentang keupayaan gelandangan bekas banduan wanita untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan. Kebanyakan kajian yang dilakukan banyak menumpukan kepada informan lelaki.

7. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa peserta yang mengikuti modul minda keusahawanan ini menunjukkan penerimaan yang sangat terbuka dan positif. Malahan, mereka melaporkan pemahaman yang jelas terhadap modul yang disediakan. Namun demikian, terbukti peserta menjangkakan pelbagai cabaran dalam menjalankan perniagaan atau terlibat dalam bidang keusahawanan. Walaupun peserta menunjukkan minat yang tinggi terhadap bidang keusahawanan, tetapi cabaran dan halangan yang wujud menyebabkan mereka berasa bimbang untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Justeru, wujud keperluan pihak kerajaan lebih peka tentang isu gelandangan bekas banduan dengan memperkenalkan inisiatif yang mampu membantu mereka bagi mempersiapsiagakan dengan ilmu bersesuaian seperti perniagaan dan keusahawanan. Harapan yang menggunung bersinar mengharapkan agar gelandangan bekas banduan ini mendapat inspirasi memulakan perniagaan sebagai satu cara dalam menjana pendapatan berterusan. Kajian ini diharapkan membuka mata agensi yang berkepentingan terutama pihak kerajaan berkaitan ke arah memperkenalkan program keusahawanan yang bersesuaian khusus untuk gelandangan bekas banduan agar dapat membantu mereka keluar daripada kehidupan di jalanan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik telah mendapatkan kebenaran Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia. Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan pusat pengajian. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kajian ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Universiti Utara Malaysia yang telah memberikan geran Penjanaan Penyelidikan 2021.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini dapat direalisasikan menerusi Geran Penjanaan Penyelidikan 2021, nombor kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC), Universiti Utara Malaysia dan Geran Komuniti Petaling Jaya Mampan (2021), nombor kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Pengkaji melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

Aaltonen, M. (2016). Post-release employment of desisting inmates. *The British Journal of Criminology*, *56*(2), 350–369.

Aisah, H., Nik Mohd Rahimi, N. Y., Maimun, A. L. & Aisyah, S. (2017). Amalan Strategi Pemahaman Makna Kosa Kata Bahasa Arab Berasaskan Konteks Penggunaan dalam Pengajaran Guru Cemerlang Bahasa Arab. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization*, 1(2), 53-66.

Baldwin, T.T., Ford, J.K. and Blume, B.D. (2017). The state of transfer of training research: moving toward more consumer-centric inquiry. *Human Resource Development Quarterly*, *28(1)*, 17-28.

Baron, S. (2008). Street youth, unemployment, and crime: Is it that simple? Using General Strain Theory to untangle the relationship. *Canadian Journal of Criminology and Criminal Justice, 50*(4), 399–434.

Berawi, F.A. & Ismail, N.A (2019). Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan awal. https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal [2 Disember 2021].

Berg, M & Huebner, B. (2011). Reentry and the ties that bind: An examination of social ties, employment, and recidivism. *Justice Quarterly*, *28*(2), 382-410.

Burke, L.A. & Hutchins, H.M. (2007), Training transfer: an integrative literature review. *Human Resource Development Review*, *6(3)*, 263-296.

Cheng, E.W. & Ho, D.C. (2001). A review of transfer of training studies in the past decade. *Personnel Review*, *12*(33), 133-148.

Chiaburu, D.S., Van, D.K. and Hutchins, H.M. (2010), Social support in the workplace and training transfer: A longitudinal analysis. *International Journal of Selection and Assessment*, *18(2)*, 187-200.

Duwe, G & Clark, V. (2014). The effects of prison-based educational programming on recidivism and employment. The Prison Journal*, 94*(4), 454-478.

Gottfredson, M & Hirschi, T. (1990). *A general theory of crime.* Standford: Stanford University Press.

Iswahyudi, I., Yohana, C. & Mardi,M. (2019). Impact self-efficacy and supervisor support on transfer of training: Two-stage approach analysis. *Jurnal Pendidikan Ekonomi Dan Bisnis (JPEB)*, *7(1)*, 47-60, doi: 10.21009/JPEB.007.1.5.

Jasni, M.A., Ah, S.H.A.B., Yusoff, J.Z., Shahid, K.M., Omar, N. & Azman, Z. 2019a. Family Refusal as a Contributing Factor To The Homelessness Problem Among Former Prisoners In Malaysia. *Sarjana, 34*(1), 23-37.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

La Vigne, N., Brooks, L & Shollenberger, T. (2007). *Returning home: exploring the challenges and successes of recently released Texas prisoners*. Washington, D.C.: Urban Institute Press.

Lowe, J., & Gibson, S. (2011). Reflections of a homeless population's lived experience with substance abuse. *Journal of Community Health Nursing, 28,* 92-100, DOI: 10.1080/07370016.2011.564066.

Maruna, S & Farrall, S. (2004). Desistance from crime: A theoretical reformulation. *K öolner Zeitschrift f üur Soziologie und Sozialpsychologie, 43*, 171–194.

Mears, D & Mestre, J. (2012). Prisoner reentry, employment, signaling, and the better identification of desisters: Introduction to the special issue. *Criminology and Public Policy, 11*(1), 5-15.

Mustafar, F. W., Yusof, F., Dora, M.T., Mustaffa, F., Mokhtar, M. Y. O., Osman, I. H., Azmi, A. N. & Hanafi, M. H. M. (2018). Fenomena gelandangan: faktor kebanjiran 'komuniti jalanan. Unit Penyelidikan, Perundingan dan Inovasi (UPPI): Kolej Universiti Islam Melaka.

Pekrun, R., Elliot, A.J., & Maier, M.A. (2009). Achievement goals and achievement emotions: testing a model of their joint relations with academic performance. *Journal of educational Psychology*, *101*(1), 115.

Perlines, F.H. & Araque, B.Y. (2015). Linking training to organizational performance: An absorptive capacity-based view. case study method in Spanish family businesses. *Journal of Promotion Management*, *21*(4), 432-446.

Redcross, C., Bloom, D., Jacobs, E., Manno, M., Muller-Ravett, S., Seefeldt, K., Yahner, J., Young, Jr., A & Zweig, J. (2010). *Work After Prison: One-Year Findings from the Transitional Jobs Reentry Demonstration.* New York, NY: MDRC.

Sharif, S., Braimah, M., & Dogbey, A. E. (2021). Academic supports, motivation to learn, motivation to transfer and transfer of training: A comparative analysis of public and private universities. *European Journal of Training and Development*, Vol. ahead-of- print No. ahead-of-print. https://doi.org/10.1108/EJTD-05-2021-0068

Vermeulen, F. & Barkema, H. (2002). Pace, rhythm, and scope: process dependence in building a profitable multinational corporation. *Strategic Management Journal*, *23*(7), 637–653.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).